

MSS 3492 SYAIR PUTERI NILAM JUITA: SATU ANALISIS FEMINISME DARI PERSPEKTIF CITRA WANITA

AZREEN EKHMAL BIN ESAHAK AYUB
Universiti Kebangsaan Malaysia
[*ekhmalazreen@gmail.com*](mailto:ekhmalazreen@gmail.com)

*ZUBIR BIN IDRIS**
Universiti Kebangsaan Malaysia
[*zidris@ukm.edu.my*](mailto:zidris@ukm.edu.my)

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*, yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia, adalah manuskrip ketatanegaraan dan merupakan cerita yang memiliki nilai-nilai tentang gaya hidup masyarakat. Makalah ini bertujuan untuk meneliti pelbagai imej wanita melalui peristiwa dan pengalaman yang dilalui oleh watak-watak wanita seperti yang terserlah dalam syair ini. Kajian menggunakan kaedah kepustakaan dalam menyempurnakan analisis. Penelitian yang terperinci terhadap bahan-bahan rujukan tambahan juga diutamakan supaya analisis yang dilakukan menepati objektif. Dalam penganalisan data, syair yang dikaji mengandungi pelbagai kisah yang memaparkan watak-watak wanita yang diceritakan secara dominan. Hasil penelitian mendapati syair ini menyerlahkan pelbagai citra wanita yang berkaitan dengan teori feminisme yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter (1979); antara pendekatan dalam teorinya adalah pendekatan biologi, pendekatan pengalaman, pendekatan psikologi dan pendekatan linguistik. Analisis citra wanita secara umum yang berpaksikan teori beliau antaranya ialah wanita yang bertanggungjawab, wanita yang bermuafakat, wanita yang sanggup berkorban, wanita yang taat dan setia serta wanita yang berkasih sayang. *Syair Puteri Nilam Juita* menunjukkan bahawa wanita memainkan peranan penting pada zaman dahulu dan mempunyai kesamarataan tanggungjawab yang serupa dengan kaum lelaki. Perihal yang diperlihatkan oleh syair ini diharap dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada khalayak pembaca dalam menjalani kehidupan mereka sendiri.

Kata Kunci: Citra wanita; Elaine Showalter; feminisme; manuskrip; *Syair Puteri Nilam Juita*.

MSS 3492 SYAIR PUTERI NILAM JUITA: AN ANALYSIS OF FEMALE IMAGES FROM A FEMINIST PERSPECTIVE

ABSTRACT

MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*, which was kept at the National Library of Malaysia, is a statecraft manuscript and a story that reflects values related to the lifestyle of its society. This paper aims to examine the various images of women through the events and experiences of the female characters depicted in the *syair*. The study uses library research methods to complete the analysis. Detailed examination of additional reference materials is also prioritised to ensure

the analysis meets its objectives. In analysing the data, the *syair* contains various episodes that dominantly portray female characters. The findings show that this *syair* highlights multiple images of women that relate to the feminist theory introduced by Elaine Showalter (1979), which includes the biological, experiential, psychological, and linguistic approaches. The general images of women based on her theory include women who are responsible, cooperative, willing to sacrifice, obedient and loyal, and loving. *Syair Puteri Nilam Juita* shows that women played an essential role in the past and shared similar responsibilities with men. The values presented in this *syair* are intended to serve as guidance and a reference for readers as they navigate their own lives.

Keywords: image of women; Elaine Showalter; feminism; manuscript; *Syair Puteri Nilam Juita*

PENGENALAN

Karya kesusasteraan Melayu adalah karya yang dihasilkan daripada pengalaman dan pemerhatian masyarakat terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat. Kesusasteraan Melayu yang berkembang sehingga hari ini telah berevolusi daripada sastera berbentuk lisan dan juga sastera berbentuk tulisan. Sastera lisan adalah karya tertua yang disampaikan secara mulut ke mulut lalu diturunkan dari sesebuah generasi ke generasi yang lain serta mempunyai unsur tokoh tambah dalam penceritaannya. Dalam penceritaan sastera lisan juga turut diterapkan unsur magis dan khayalan yang diadunkan bertujuan bagi menimbulkan untuk hiburan serta serta pengajaran.

Manuskrip Melayu MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita* merupakan teks yang dikarang dalam tulisan Jawi lama serta mengandungi unsur-unsur kesusasteraan dan juga cabang ilmu yang berbagai. Di dalam *syair* ini juga dikisahkan tentang pembesar dan raja yang mentadbir kerajaan dengan makmur dan juga gambaran kehidupan rakyat yang diuji pelbagai dugaan dan rintangan. Selain itu, terdapat juga watak-watak wanita yang digambarkan terlibat dalam peperangan serta cara mereka berperang, menggunakan helah untuk menyelamatkan suaminya, wanita yang rela berkorban suaminya dikahwinkan secara paksa sebagai balasan akibat tumpas di medan pertempuran dan sebagainya yang dikisahkan dalam naskhah *syair* ini. Manuskrip *Syair Puteri Nilam Juita* mengandungi tema feminisme yang berunsurkan darjat wanita diangkat dan diketengahkan dalam kisah pengembaraan raja dan Permaisuri sama ada dalam hal pemerintahan negeri mahupun peperangan yang melibatkan watak wanita sebagai pucuk utama cerita. Kisah yang disampaikan sarat dengan penglibatan watak wanita secara majoriti dan terdapat pelbagai ilmu yang disampaikan melalui penyampaian *syair*.

Analisis naskhah MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita* ini menggunakan Teori Feminisme, dengan memberikan tumpuan terhadap citra wanita yang terkandung di dalam *syair* ini. Dalam menganalisis aspek kewanitaan, teori yang sesuai digunakan adalah teori feminisme yang diperkenalkan oleh sarjana Barat bernama Elaine Showalter (1979). Beliau ialah seorang pengkritik sastera dan budaya khususnya dalam bidang *feminist literary criticism*. Teori Feminisme digunakan bagi menepati tujuan penulisan artikel ini iaitu menganalisis citra wanita dan teori feminisme oleh Elaine Showalter yang terkandung dalam MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*. Hasil daripada penelitian diharap dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada khalayak pembaca dalam menjalani kehidupan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Berdasarkan kepada penyelidikan lepas, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan mengenai kajian manuskrip dan juga kajian feminisme (kewanitaan). Antaranya ialah kajian Fatkhul Rohmatin (2019) dalam kajiannya yang bertajuk “Pembentukan Wacana Patriarki dan Diam Wanita dalam Naskhah *Hikayat Darma Tasyiah*”. Kajian beliau ini memfokuskan tentang model masyarakat yang berpegang kepada sistem patriarki. Sistem tersebut meletakkan wanita di peringkat bawahan, yakni di bawah penguasaan lelaki. Dengan kata lain, kajian ini menjelaskan ketaatan wanita yang berubah sikapnya yang memberontak sehingga menjadi derhaka ke atas golongan lelaki. Sebagai karya sastra yang membicarakan sistem patriarki, *Hikayat Darma Tasyiah* sebenarnya mampu berubah menjadi pemusnah sistem patriarki itu sendiri. Berbanding dengan penulisan artikel ini, teks yang digunakan adalah *Syair Puteri Nilam Juita* dan akan dianalisis dengan menggunakan pendekatan feminisme.

Kajian oleh Yusmilayati Yunos (2020) iaitu “Wanita dan Cinta Dalam Kumpulan Cerpen Masitah” menentengahkan pengorbanan sosok wanita dalam menjalani kehidupan sebagai seorang ibu, isteri, anak dan sahabat malah turut berperanan sebagai guru dalam sebuah institusi kekeluargaan. Penulisan beliau ini mengangkat persoalan mengapa watak wanita diutarakan dalam cerpen-cerpen tersebut sehingga penulis mengadun ceritanya dengan baik dan memasukkan pelbagai elemen suka duka dalam kehidupan wanita. Terdapat satu penemuan menarik dalam penulisan beliau ini iaitu dalam setiap cerpen yang dipaparkan pasti terselit cerita berkenaan warna merah, namun warna tersebut digambarkan dalam pelbagai rupa dan bentuk yang berbeza. Sungguhpun kajiannya hampir sama dengan kajian kewanitaan, namun naskhah yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah berbeza iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*.

Kajian oleh Maymunah & Jihan (2021) yang berjudul “Representasi Perempuan Dalam Teks *Hikayat Tawaddud*” mengungkap watak wanita yang diwakili oleh watak Tawaddud. Analisis kajian dijalankan menggunakan teori feminisme dan jantina untuk mengenal pasti penglibatan watak wanita dalam penceritaan. Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa dari sudut feminisme, watak Tawaddud mewakili seorang wanita yang cerdas, berani dan berpendidikan. Berdasarkan penelitian, dapat dikatakan Tawaddud merupakan wanita Melayu yang petah berkata-kata, peramah, pemalu, pandai, wangi dan mempunyai nilai. Sungguhpun pendekatan analisis yang digunakan hampir sama, pemilihan teks naskhah yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah berbeza iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*.

Kajian kitab Jawi abad ke-20 oleh Azeri, Nor Aniza Mad, and Nur Saadah Hamisan (2021) yang bertajuk “Panduan Bagi Emansipasi Wanita di Tanah Melayu” menggambarkan kedudukan agama Islam di Tanah Melayu yang berkembang pesat dari segi penyebaran ilmu melalui pelbagai medium. Salah satu medium penting yang digunakan para ulama Melayu adalah melalui penulisan dengan menghasilkan manuskrip dan kitab-kitab Jawi bagi membincangkan pelbagai bidang ilmu dan juga isu yang merangkumi sosio-budaya di Tanah Melayu termasuk isu berkaitan wanita. Walaupun isu wanita bukanlah menjadi isu utama, tetapi usaha ulama Melayu dalam memperjuangkan emansipasi wanita wajar diketengahkan bagi menghargai sumbangan mereka. Kajiannya melibatkan kupasan daripada sebuah kitab Jawi yang bertajuk *Risalah Seruan Kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan*. Kajian ini juga menilai dan menganalisis kitab melalui enam tema iaitu kedudukan wanita, wanita dan pendidikan, wanita dan pemilikan harta, wanita dan perkahwinan, peranan wanita sebagai isteri, dan wanita dan poligami. Analisis yang digunakan masih hampir sama iaitu berkaitan isu-isu wanita (feminisme) namun kajian ini masih berbeza dari segi teks naskhah yang dipakai dalam penulisan artikel ini iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*.

Kajian oleh Irfan Waquiuddin dan Norizam Jamian (2021) yang bertajuk “Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita *Legenda Si Tenggang, Si Malin Kundang, dan Nakhoda Manis*” menilai struktur naratologi legenda anak derhaka dalam cerita *Si Tenggang, Si Malin Kundang, dan Nakhoda Manis* mempunyai struktur cerita yang berbeza. Meskipun ketiga-tiga legenda menunjukkan banyak ciri persamaan, namun terdapat beberapa perbezaan yang mengangkat identiti karya setiap negara. Hasil kajian juga menunjukkan citra ibu dalam legenda anak derhaka adalah seperti pasrah dengan ketentuan Tuhan dan imej wanita paling setia. Hakikatnya, setiap daripada kisah legenda ini mempunyai lambang kedudukan seorang ibu dalam institusi kekeluargaan bukan sahaja dalam budaya Melayu Nusantara bahkan juga dalam agama. Meskipun kajian ini menggunakan citra wanita dan hampir sama dengan penulisan artikel ini, namun teks nakhah yang digunakan berbeza iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*.

Kajian oleh Resmati dan Wirajaya (2022) menerusi artikelnya bertajuk “Representasi Perempuan Dalam *Syair Ardan: Kajian Feminisme*” meneroka fenomena wanita yang hidup dalam budaya patriarki dan usaha untuk menyamaratakan peranan gender. Penelitian tentang perwatakan wanita yang mampu mengembangkan kebolehannya dan memainkan peranan di sektor awam. Kebolehan wanita yang digambarkan berkebolehan seperti gambaran puteri raja yang mampu menjadi wanita yang mahir bersilat, pandai menggunakan senjata, menjadi raja yang bijaksana, dapat menetapkan dasar atau peraturan dan banyak lagi tugas seorang lelaki yang boleh dilakukan oleh golongan wanita. Jelaslah bahawa penulis memilih untuk berpihak kepada penerimaan teks yang masih berpegang kepada budaya patriarki dari sudut feminisme. Dari aspek analisis, teori yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah sama iaitu teori feminisme namun manuskrip yang dikaji tetap berbeza iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*.

Berikutnya, Yusop & Noraisah (2024) dalam kajiannya “Identiti Dan Individualiti Perempuan Melayu Dalam *Hikayat Syamsul Anuar*” mengangkat imej perempuan Melayu dalam sastera Melayu lama terdapat kajian yang membela kedudukan wanita dan ada yang sebaliknya. Dalam kajiannya juga mendapati perempuan dijadikan sebagai hadiah dan pemuas nafsu dalam kerajaan Melayu lama di samping melihat perubahan yang berlaku terhadap imej perempuan di pinggir abad ke-19. Melalui *Hikayat Syamsul Anuar* yang ditulis oleh pengarang wanita yang membezakannya dengan hikayat Melayu lama terdahulu, iaitu imej individualitinya. Sungguhpun penulisan artikel ini menggunakan pendekatan yang sama, namun ia berbeza dengan teks yang digunakan iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*.

Seterusnya, kajian oleh Norizam Jamian dan Nursyaza Ilyana (2020) menerusi artikel mereka yang bertajuk “Kepimpinan Wanita Dalam Novel Matriark Karya Samsiah Mohd. Nor” menunjukkan bahawa ciri-ciri yang membina citra kepemimpinan wanita dalam novel *Matriark* boleh dikupas berdasarkan empat dimensi, iaitu karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan pertimbangan individual. Natiujahnya, novel *Matriark* mengangkat keunggulan citra wanita Melayu sebagai pemimpin organisasi berkualiti yang bukan sahaja komited untuk merubah organisasinya tetapi pada masa yang sama, komited untuk mengubah dan membangunkan pengikutnya. Berbanding dengan penulisan artikel ini, teks yang digunakan adalah *Syair Puteri Nilam Juita* dan menggunakan pendekatan feminisme.

Kajian oleh Lizawati (2015) dengan tajuk artikelnya “ Analisis Citra Wanita Dalam Novel *Perempuan Jogja* Karya Achmad Munif” meneliti citra wanita dalam novel karya Achmad Munif dengan menerapkan pendekatan psikologi sastera. Analisis kaedah analisis kandungan menunjukkan bahawa citra fizikal wanita dalam novel ini digambarkan melalui tiga watak utama, iaitu: Raden Ayu Indri Astuti, yang ditampilkan sebagai wanita cantik dan anggun; Rumanti, yang digambarkan memiliki kecantikan bak bunga, dengan pesona yang merupakan gabungan antara Monalisa dan Dewi Drupadi; dan Popi, yang mewarisi kecantikan ibunya serta tetap kelihatan menarik walaupun bersikap kurang peduli terhadap penampilan.

Selain itu, citra bukan fizikal wanita turut terserlah melalui sifat dan watak yang ditonjolkan, iaitu: Raden Ayu Indri Astuti, yang digambarkan sebagai wanita penyayang terhadap keluarga, berwatak tegas, dan cerdas; Rumanti, yang memperlihatkan sifat kasih sayang terhadap suami, bersikap sabar, dan tidak mementingkan diri; serta Popi, yang digambarkan sebagai wanita cerdas dan berenergi. Secara keseluruhan, novel *Perempuan Jogja* menampilkan pelbagai dimensi citra wanita yang mencerminkan aspek fizikal dan bukan fizikal melalui pembinaan watak yang kaya dan mendalam. Walaupun pendekatan analisis yang digunakan hampir sama, pemilihan teks naskhah yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah berbeza iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*.

Kajian oleh Nik Nurul Najwa dan Mas Rynna Wati (2024) yang bertajuk “Ginokritikan Dalam Novel *Perempuan Tanpa Dosa* Karya Fatinilam Sari Ahmad” membincangkan dan mengangkat isu wanita. Kajiannya bertujuan untuk meneroka tradisi sastra wanita serta mendedahkan suara, tema, dan pengalaman penulis wanita yang sering dipinggirkan dalam kritikan sastra tradisional. Makalah ini membincangkan dua pendekatan, iaitu “Penulisan wanita dan biologi wanita serta model “Penulisan wanita dan bahasa wanita” untuk merungkai permasalahan yang berlegar dalam novel ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penulis wanita berupaya mengangkat isu berkaitan wanita dengan lebih teliti kerana bahasa tubuh dan psikologi wanita lebih mudah difahami dan diungkap oleh wanita itu sendiri. Sungguhpun pendekatan analisis yang digunakan hampir sama, pemilihan teks naskhah yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah berbeza iaitu *Syair Puteri Nilam Juita*. Walaupun terdapat banyak kajian transliterasi dan analisis teks manuskrip lama mengenai kisah wanita, namun kajian teks terhadap *Syair Puteri Nilam Juita* masih belum dikaji. Oleh itu, kajian terhadap *Syair Puteri Nilam Juita* ini dikaji bagi meneliti unsur-unsur kewanitaan yang terkandung dengan teori feminisme.

METODOLOGI

Penulisan artikel ini adalah berdasarkan kajian yang berbentuk kualitatif. Kajian melibatkan manuskrip MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita* yang diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia. Setiap data yang diperoleh menerusi manuskrip ini diteliti, dengan kaedah pembacaan secara berulang-ulang ke atas manuskrip untuk mengenal pasti watak wanita dan kata kunci yang berkaitan dengan citra wanita, dan seterusnya dianalisis berdasarkan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data dilakukan dengan melibatkan beberapa proses, iaitu mencatat dan menulis peristiwa yang menggambarkan citra wanita, selanjutnya menganalisis citra wanita yang terdapat dalam manuskrip berdasarkan Teori Feminisme oleh Elaine Showalter (1979). Kaedah analisis kandungan ini bertujuan untuk meneliti persoalan citra wanita dari sudut pandang feminisme yang terkandung dalam *Syair Puteri Nilam Juita*. Selain sumber utama kajian adalah kaedah kepustakaan yang berbentuk manuskrip, buku-buku tambahan juga diperoleh daripada beberapa buah perpustakaan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

TEORI FEMINISME

Penulisan artikel dan analisis terhadap isu kewanitaan berdasarkan *Syair Puteri Nilam Juita* ini akan menggunakan teori feminisme yang diperkenalkan oleh sarjana Barat bernama Elaine Showalter (1979). Teori yang diasaskan beliau banyak merangkumi pelbagai teori sosial, pergerakan politik, dan falsafah moral yang terutamanya tertumpu kepada kebebasan hak para

wanita. Untuk tujuan tersebut, makalah ini menggunakan teori feminisme yang diperkenalkan olehnya secara khusus, beberapa pendekatan yang beliau sarankan seperti Pendekatan Biologi yang membantu memahami suara dan pengalaman unik wanita yang berakar daripada tubuh mereka sendiri, Pendekatan Pengalaman yang menonjolkan realiti kehidupan wanita dalam pelbagai konteks iaitu bukan sekadar stereotaipnya sahaja, Pendekatan Linguistik yang meneliti peranan wanita mencipta bahasa sendiri atau cara bertutur yang mencerminkan nilai, emosi, dan pengalaman mereka, dan Pendekatan Psikologi yang cuba memahami emosi, konflik dalaman, dan trauma wanita seperti yang sering dipaparkan dalam karya sastera. Oleh itu, prinsip-prinsip tersebut memberi gambaran secara luas tentang analisis watak wanita dalam teks dari segi, watak lelaki menilai wanita, stereotaip wanita dalam teks di samping mendedahkan ketidaksetaraan kuasa gender dalam teks. Secara ringkasnya, penyokong feminisme bertujuan untuk kesamaan sosial, politik dan ekonomi antara jantina dan mencabar tanggapan bahawa setiap jantina harus menentukan identiti sosial atau hak sosialnya sendiri.

Florina Setiani (2011) menyatakan bahawa individu-individu dalam pergerakan feminisme memperjuangkan hak sama rata antara lelaki dan perempuan kerana ketidaksetaraan kaum wanita yang dianggap tidak sama dalam kelompok masyarakat, dan berpendapat bahawa peranan jantina dibina secara sosial. Pelbagai spekulasi dan pendapat dalam pergerakan feminisme berkaitan dengan perkara-perkara seperti unsur ketidaksetaraan, pendekatan untuk mencapai kesamaan dan kesahihan identiti berteraskan jantina dan pergerakan ini mengalir mengikut aliran peredaran zaman.

Citra berasal daripada perkataan “image” atau dalam perkataan Latin berbunyi “imago”. Istilah ini berkait rapat dengan kata kerja “meniru” yang terkandung dalam perkataan Latin iaitu “imitari” dan perkataan tersebut melambangkan kepada konsep imej yang ditiru semula (Basri & rakan-rakan, 2010). Dalam pendekatan Elaine Showalter (1979), citra wanita termasuk dalam ruang analisis dalam pendekatan feminismenya, citra wanita dibangunkan melalui kritikan feminisme dan juga kritikan gyno yang meneliti watak wanita dalam teks, khususnya karya yang ditulis oleh pengarang lelaki. Menurut Fauziah Kartini dan Faridah Ibrahim (1988), pembentukan imej dalam minda seseorang individu dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pengalaman, pengetahuan, sikap dan pertimbangan mereka terhadap objek berkenaan. Hal ini menjelaskan bahawa persepsi seseorang terhadap perkara yang berulang kali akan membentuk sebuah sudut pandangan yang dominan dan menghasilkan imej mental yang kukuh. Dalam kata lain, citra yang memperihalkan tentang sesuatu objek sekiranya ditonton secara berulang kali akan membentuk sebuah imej yang merangsang saraf otak untuk meniru semula pandangan yang melekat di memori.

Hashim Awang (1994) pula memperihalkan bahawa citra adalah gambaran mengenai sesuatu unsur seperti watak dan perwatakan, budaya atau nilai yang digambarkan melalui perlambangan, bahasa dan penceritaan dalam sesebuah karya kesusasteraan Melayu. Citra membentuk sebuah bayangan yang dicipta oleh pengarang sesebuah karya sastera terhadap sesuatu perkara sama ada manusia, peristiwa atau keadaan dalam kehidupan manusia. Dari perspektif Barat pula, Cleanth Brooks (1974) menggambarkan citra bukanlah hiasan semata-mata namun mempunyai inti makna yang bermakna dalam sesebuah karya. Dapat dikatakan bahawa citra adalah sebuah imej yang disampaikan dengan gabungan intelektual dan emosi dalam sekelip mata.

Bersesuaian dengan kandungan naskhah, MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita* banyak menggambarkan watak-watak wanita yang mempunyai gambaran yang berbeza bagi setiap perwatakan mereka. Perbezaan citra dapat diperihalkan melalui perbezaan emosi, watak, kedudukan dan lain-lain lagi. Hal ini membangunkan persoalan berkaitan citra atau imej masyarakat yang lebih tertumpu kepada sifat kewanitaan. Gambaran kewanitaan membawa kepada penelitian terhadap citra-citra seorang wanita yang terkandung dalam syair yang dikaji.

Dalam kesusasteraan Melayu, citra wanita merupakan wujud gambaran mental spiritual dan tingkah laku seharian yang diekspresikan oleh golongan wanita. Istilah “citra wanita” diambil daripada gambaran-gambaran perilaku yang diketengahkan oleh pengarang yang diceritakan dalam teks manuskrip Melayu sama ada daripada fikiran, pendengaran, penglihatan dan pencerapan tentang wanita. Antaranya ialah citra wanita yang bertanggungjawab, citra wanita yang bermuafakat, citra wanita yang sanggup berkorban, citra wanita yang taat dan setia, citra wanita yang berkasih sayang yang akan dijelaskan selanjutnya.

Citra Wanita Yang Bertanggungjawab

Citra wanita yang terkandung di dalam *Syair Puteri Nilam Juita* dapat dilihat melalui unsur citra wanita yang bertanggungjawab. Tanggungjawab didefinisikan sebagai kesanggupan melaksanakan sebarang tugas yang diamanahkan secara jujur, adil dan ikhlas demi kebaikan bersama semua pihak. Sikap bertanggungjawab juga melibatkan kemampuan seseorang insan untuk memikul amanah secara tulus agar dapat memenuhi segala tuntutan yang dipertanggungjawabkan ke atas seseorang (Hart: 1968). Oleh itu, tanggungjawab dapat dikatakan sebagai kewajiban atau amanah yang seharusnya ditunaikan dengan penuh kesedaran moral, kejujuran, dan keikhlasan, sama ada terhadap negara, keluarga dan juga diri sendiri.

Dalam *Syair Puteri Nilam Juita*, pengarang menerapkan nilai bertanggungjawab dalam diri seseorang wanita di dalam karyanya. Citra wanita bertanggungjawab yang terdapat di dalam naskhah seperti yang diperihalkan oleh pengarang adalah seperti berikut:

Muafakatlh menteri sekaliannya rata,
Indera pahlawan jadi mahkota,
Baginda dinamakan Indera beranta,
Pahlawan kedua memangkunya serta. (r.1594)

Nama disalin juga semata,
Sultan Indera raja mahkota,
Riuhlah gempar semuanya rata,
Mangkat daulat sultan mahkota. (r.1595)

Beranta Indera muda perwira,
Memangku Indera bertitah raja putera,
Pahlawan udara jadi bendahara,
Melihatkan hal barang bicara. (r.1596)

Beranta Indera muda pahlawan,
Maharaja Syahir dinamakan tuan,
Di bawah baginda beranta sultan,
Ialah konon yang meliharakan. (r.1597)

Selamanya baginda menjadi raja,
Negeri pun ramai bagai dipuja,
Terlalulah baik perintah kerja,
Isi negeri semuanya manja. (r.1598)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Berdasarkan rangkapan syair tersebut, diterangkan mengenai tanggungjawab yang dipikul oleh Sultan Indera untuk mentadbir kerajaan Dewa Mengendera yang telah dibunuhnya. Hal ini demikian kerana, rakyat dewa yang tidak terbunuh dalam peperangan merayu kepada Putera Indera untuk dijadikan pemerintah baharu serta mentadbir negeri Indera Beranta. Frasa “Indera pahlawan jadi mahkota” dan “Baginda dinamakan Indera Beranta” menunjukkan bahawa pahlawan Indera telah menjadi sultan yang baru setelah menumpaskan Dewa Mengendera dan namanya telah ditukar menjadi Indera Beranta. Semua rakyat di negara Indera Beranta sedia untuk menjunjung titah Sultan Indera sebagai sultan negeri yang baharu.

Selain itu, frasa “Selamanya baginda menjadi raja” dan “Negeri pun ramai bagai dipuja” menggambarkan bahawa Sultan Indera bertanggungjawab memastikan semua rakyatnya hidup dalam keadaan aman dan makmur tanpa sebarang konflik. Pelantikan pemangku Sultan Indera iaitu Beranta Indera turut bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal negerinya bersama dengan menteri-menteri yang lain. Pada frasa “Pahlawan Udara jadi bendahara”, “Beranta Indera muda pahlawan” dan “Maharaja Syahir dinamakan tuan” dapat digambarkan melalui watak dua orang wanita iaitu Sultan Indera dan Beranta Indera yang masing-masing memikul tanggungjawab sebagai ketua negara dan mentadbir keamanan negeri yang dijajahnya. Negeri Indera Beranta yang diperintah oleh Sultan Indera menjadi aman dan makmur kerana pemerintah baharu yang disukai semua rakyat jelata. Pengarang mengangkat watak wanita untuk dijadikan sebagai pemimpin utama dalam sesebuah negeri di samping membawa mesej bahawa kaum wanita sudah mampu untuk memegang jawatan yang paling tinggi di dalam sesebuah pemerintahan.

Pengarang *Syair Puteri Nilam Juita* mengangkat citra seorang raja wanita yang bertanggungjawab sebagai pemimpin dalam situasi ketiadaan pemerintah sebagai satu bentuk penghormatan kepada keupayaan wanita dalam memikul tanggungjawab kepemimpinan secara adil dan berwibawa. Citra wanita yang bertanggungjawab ini juga menandakan bahawa kebolehan memimpin bukan terletak pada jantina tetapi pada sifat kepimpinan, kecekapan dan kebijaksanaan. Dalam konteks ini, pengarang ingin menunjukkan bahawa wanita mampu menjadi pemerintah yang adil dan dihormati sekiranya mereka memiliki sifat-sifat mulia yang dituntut dalam kepemimpinan. Hal ini selari dengan nilai budaya Melayu yang mengangkat pemimpin sebagai penjaga amanah rakyat dan bukanlah sebagai pewaris tahta semata-mata.

Citra Wanita Yang Bermuafakat

Muafakat dapat digambarkan sebagai satu budaya dalam masyarakat Melayu yang diamalkan dari zaman dahulu hingga sekarang. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), muafakat bererti persetujuan atau kesepakatan yang dicapai secara bersama dalam sebuah perbincangan atau musyawarah. Dalam konteks kehidupan bermasyarakat, muafakat merujuk kepada keputusan yang dicapai bersama hasil perbincangan dan tolak ansur dalam sesuatu komuniti atau kumpulan. Hal ini menjadi teras dalam struktur sosial masyarakat, sama ada dalam pemerintahan negara, komuniti setempat dan institusi kekeluargaan (Shamsul Amri: 2001).

Konsep muafakat juga diibaratkan sebagai bentuk penyatuan untuk kestabilan nasional Malaysia. Walau dalam bidang politik sekalipun, muafakat menjadi aturan penting untuk mengelakkan perpecahan yang boleh melemahkan kesatuan masyarakat dan memecah belahkan negara. Dalam konteks Islam pula, muafakat dilihat sebagai proses kolektif yang berpandukan ajaran Islam, dan bukan hanya memenuhi keinginan orang ramai (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2007). Hal ini membuktikan bahawa ajaran Islam memberi dimensi dalam pembentukan sebuah kesepakatan. Muafakat juga adalah struktur yang penting yang mendasari sistem kekeluargaan dan kepimpinan masyarakat Melayu bagi mengelak berlakunya konflik.

Berdasarkan *Syair Puteri Nilam Juita*, dapat diteliti kandungan unsur muafakat dalam citra seorang wanita dalam hidup berumah tangga. Rangkaian syair berikut membuktikan masyarakat Melayu zaman dahulu telah lama mengaplikasikan prinsip muafakat dalam kehidupan seharian:

Gembira Nilam lalu berkata,
Kepada Puhalam madu yang nyata,
Wahai adinda Cahaya mata,
Ada suatu hajatnya beta. (r.1843)

Terlalu besar hajat kakanda,
Sukakah gerangan tuan adinda,
Adapun akan duli baginda,
Hendak diri isteri muda. (.1944)

Sukakah tidak adinda puteri,
Kakanda ini hendak beristeri.

Dengan ikhlas kakanda memberi,
Akan adinda Manikam Puteri. (r.1845)

Pada fikiran dengan kira-kira,
Baik satukan dengannya segera,
Empat isteri raja putera,
Sama menurut barang bicara. (r.1846)

Hajat kakanda tuan itulah,
Berkenankah tidak paras yang indah,
Malam sekarang dipersatukanlah,
Bukannya hendak berbanyak olah. (r.1847)

Tersenyum manis puteri Puhalam,
Mendegarkan titah Gembira Nilam,
Sangatlah suka hati di dalam,
Bermadukan Puteri Manikam. (r.1848)

Segera disahut Puhalam Puteri,
Nebarlah titah kakanda puteri,
Patik pun suka tidak terperi,
Bilakah bersatu mahkota negeri. (r.1849)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Menerusi rangkaian *Syair Puteri Nilam Juita* tersebut, dapat digambarkan permuafakatan antara isteri-isteri Puteri Qamarshah untuk membuat keputusan bagi menikahkan suaminya dengan seorang wanita untuk dijadikan madu. Berdasarkan frasa “Sangatlah suka hati di dalam” dan “Bermadukan Puteri Manikam” diceritakan bahawa Puteri Nilam iaitu isteri pertama kepada Putera Qamarshah yang ingin berbincang dengan madu-madunya (Puteri Cahaya dan Puteri Puhalam) untuk menyatukan suami mereka dengan Puteri

Manikam. Kesepakatan dibuat menerusi soal jawab dan cadangan yang dilakukan ketiga-tiga wanita untuk membentuk satu kata putus dalam perbincangan tersebut. Frasa “Baik satukan dengannya segera” dan “Empat isteri raja putera” menunjukkan bahawa pengarang ingin menggambarkan perasaan Puteri Nilam, Puteri Cahaya dan Puteri Puhalam masing-masing menyukai dan bersetuju untuk menyatukan suaminya dengan Puteri Manikam seorang anak kepada Dewa Mengenderai yang telah ditumpaskan oleh Sultan Indera tanpa sebarang paksaan.

Berdasarkan peristiwa tersebut, permuafakatan antara tiga orang isteri dapat dilihat apabila mereka menerima kehadiran seorang lagi wanita sebagai madu dalam kehidupan rumah tangga mereka yang harmoni, bahkan merupakan simbol keutuhan nilai muafakat, pengorbanan, dan mempercayai hikmah dalam sebarang keputusan melalui muafakat. Dalam masyarakat yang sering dikaburkan oleh persepsi negatif terhadap hubungan madu, tindakan ketiga-tiga isteri Putera Qamarshah ini menyerlahkan kekuatan muafakat dan persetujuan ramai mampu mengatasi ego, cemburu dan ketidakstabilan emosi demi kebaikan yang lebih besar. Dalam konteks ini, muafakat menjadi kekuatan moral dan sosial yang bukan sahaja meredakan potensi konflik sama ada telah berlaku atau bakal terjadi, malah juga membina struktur kekeluargaan yang kukuh berdasarkan saling hormat dan reda.

Dalam naskhah syair ini, watak wanita yang bermuafakat dalam isu poligami bukan sekadar untuk penceritaan tentang konflik atau masalah, namun sebagai satu usaha menegaskan keupayaan wanita untuk mengatasi cabaran emosi melalui kebijaksanaan, keinsafan dan tolak ansur. Pengarang menyampaikan bahawa wanita bukanlah makhluk yang hanya tunduk kepada nasib, tetapi mampu menjadi individu perdamaian, bahkan pemula kepada penyatuan dan keharmonian. Hal ini menjadi kunci kepada kehidupan berkeluarga yang damai walaupun dalam institusi keluarga berpoligami.

Citra Wanita Yang Sanggup Berkorban

Pengorbanan melibatkan tindakan meninggalkan sesuatu kepentingan peribadi demi memenuhi tuntutan nilai yang lebih berharga sama ada untuk kepentingan negara, keluarga, dan diri (Sidek Baba, 2001). Pengorbanan bukanlah satu bentuk kehilangan, tetapi lebih terarah kepada kesanggupan jiwa untuk perkara yang lebih besar. Menurut Nik Mustapha (1997), pengorbanan adalah tanda keikhlasan dalam mengabdikan diri kepada Allah. Di samping itu, pengorbanan juga mengajar manusia tentang sifat redha, sabar dan tawakal tidak kira dalam konteks peperangan, pendidikan mahupun kekeluargaan, nilai tersebut melatih manusia untuk meniadakan kepentingan diri sendiri demi kesejahteraan orang lain.

Dalam *Syair Puteri Nilam Juita*, pengarang mengangkat watak seorang isteri yang sanggup mengorbankan dirinya sendiri untuk menyelamatkan suaminya yang ditawan musuh. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap-rangkap syair yang berikut:

Ada kepada satu harinya itu,
Puteri berfikir demikian itu,
Apalah halnya suamiku itu,
Hidup dan mati belum bertentu. (r.1483)

Jika demikian betapalah bina,
Baiklah aku pergi ke sana,
Melihatkan hal raja yang ghana,
Entahkan hidup entahkan fana. (r.1484)

Adapun ayahnya aku harapkan,

Baginda sudah hilang fikiran,
Apalah sudah dengan demikian,
Mati dan hidup tiada ketauan. (r.1485)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Berdasarkan rangkap-rangkap syair tersebut, pengarang menjelaskan kerisauan seorang isteri apabila suaminya yang telah hilang tanpa khabar berita dan tidak diketahui sama ada masih hidup atau mati. Pada frasa “Baiklah aku pergi ke sana” dan “Melihatkan hal raja yang ghana” serta “Entahkan hidup entahkan fana” diceritakan bahawa kerisauan Puteri Nilam akan suaminya yang belum pulang setelah berperang dalam tempoh yang lama dan Puteri Nilam berhasrat untuk pergi keluar negeri mencari jawapan di sebalik kerisauannya terhadap suaminya Putera Qamarshah. Frasa “Adapun ayahnya aku harapkan” dan “Baginda sudah hilang fikiran” menjelaskan bahawa Puteri Nilam mengharapkan ayahandanya Sultan Khazim yang mencari suaminya, namun keadaan sultan yang buntu dan hilang jejak terhadap anaknya membuatkan keinginan Puteri Nilam untuk keluar mencari suaminya di medan peperangan. Dalam hal ini, Puteri Nilam sedar akan dirinya tidak sesuai untuk memasuki medan perang kerana dirinya seorang wanita. Oleh sebab itu, pengarang *Syair Puteri Nilam Juita* memerihalkan peristiwa Puteri Nilam yang sanggup mengorbankan dirinya sebagai wanita untuk menuntut bela ke atas kehilangan suaminya Putera Qamarshah dengan memasuki hutan bertemu dengan Dewa Mengenderai yang kejam.

Pengarang syair mengangkat citra wanita yang sanggup berkorban sebagai mesej utama kerana ia mencerminkan nilai wanita Melayu yang berpegang teguh pada adat, budi bahasa dan maruah diri. Citra ini dijadikan simbol kekuatan dalaman wanita yang cekal dan tabah walau dilanda ujian yang mengancam nyawa keluarganya. Melalui gambaran watak wanita yang berkorban, pengarang ingin menyampaikan mesej kepada masyarakat agar lebih menghargai dan memuliakan wanita bukan hanya kerana kelembutan mereka, tetapi juga kerana keteguhan mereka dalam berkorban mempertahankan orang lain. Oleh itu, citra wanita yang sanggup untuk berkorban demi kebahagiaan suaminya banyak diperlihatkan oleh pengarang *Syair Puteri Nilam Juita* untuk bacaan pembacanya.

Citra Wanita Yang Taat Dan Setia

Konsep kesetiaan dalam masyarakat Melayu boleh diperihalkan sebagai suatu sikap yang memegang teguh kepada satu ikatan atau hubungan sama ada dalam perkahwinan, persaudaraan, perkhidmatan dan sebagainya tanpa ada unsur khianat walau dalam apa jua keadaan (Abdullah Hassan, 2013). Kesetiaan dapat diperihalkan juga sebagai nilai utama dalam budaya masyarakat Melayu yang berasaskan prinsip taat, redha dan hormat. Erich Fromm (1947) mendefinisikan kesetiaan sebagai komitmen yang berterusan terhadap seseorang berdasarkan nilai cinta, tanggungjawab dan kepercayaan. Beliau turut menegaskan bahawa tindakan seseorang individu untuk memilih untuk setia sama ada untuk cinta atau tanggungjawab walaupun berpeluang untuk berpaling tadah.

Syair Puteri Nilam Juita turut memperihalkan unsur kesetiaan ini. Antaranya ialah kesetiaan dayang istana dengan puteri raja. Hal ini dikatakan demikian kerana dayang istana digambarkan sebagai wanita yang mengabdikan hidupnya untuk menjaga dan menemani puteri di istana. Dalam penceritaan *Syair Puteri Nilam Juita*, unsur kesetiaan ini dapat dilihat melalui contoh rangkapan syair yang berikut:

Bertemulah dengan Siti Bijana,
Anak kepada laksamana,
Puteri bertitah perlahan bahana,
Hampir ke mari muda sempurna. (r.1491)

Telah Siti mendengarkannya,
Akan demikian titah tu[w]annya,
Dayang pun bangun dengan segeranya,
Tunduk menyembah dengan hormatnya. (r.1492)

Tuan puteri bertitah serta,
Wahai Siti saudara kita,
Mahukah tuan bersamanya beta,
Rosak binasa mendapat leta. (r.1493)

Jikalau mahu gerangan diri,
Marilah kita keluar negeri,
Sementara lagi malamnya hari,
Barang kemana kita nin pergi. (r.1494)

Tunduk menyembah Siti Bijana,
Serta dengan menyemburkan bahana,
Aduh kesti seri istana,
Mahulah patik bermasa fana. (r.1495)

Keluar daripada pintu sebelah,
Turun ke tanah berjalanlah,
Bersama-sama Siti dan abidah,
Mengiringkan puteri muda yang indah. (r.1501)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Berdasarkan rangkapan *Syair Puteri Nilam Juita* tersebut, pengarang menceritakan tentang Dayang Siti Bijana yang bersikap setia menemani Puteri Nilam untuk menyelamatkan suaminya yang ditawan oleh Dewa Mengenderai. Frasa “Aduh kesti seri istana” dan “Mahulah patik bermasa fana” menjelaskan bahawa pengarang turut menggambarkan kesetiaan dayang Seri Bijana yang sanggup mengikuti jejak Puteri Nilam mengharungi hutan tebal pada malam hari semata-mata ingin mencari Putera Qamarshah yang hilang setelah peperangan. Frasa “Bersama-sama Siti dan abidah” dan “Mengiringkan puteri muda yang indah” juga menggambarkan Dayang Siti Bijana diangkat sebagai watak yang setia kerana menunjukkan ketaatan dan kerelaan hati untuk keluar dari istana semata-mata untuk menemani Puteri Nilam. Hal ini menunjukkan bahawa sosok seorang wanita yang taat, setia dan berani walaupun hanya seorang dayang, dia sanggup menghadapi risiko bersama Puteri Nilam mengharungi bahaya di luar istana. Walaupun watak seorang dayang adalah sebagai watak sampingan, namun dayang yang digambarkan dalam naskhah *Syair Puteri Nilam Juita* ini menonjolkan citra seorang wanita sebagai lambang ketaatan dan kesetiaan.

Sehubungan dengan itu, pengarang syair mengangkat citra wanita seorang dayang yang setia kepada puteri raja sebagai lambang kesetiaan, keikhlasan, ketaatan dan kekuatan dalaman

wanita. Dalam syair tersebut, pengarang tidak hanya menggambarkan dayang sebagai pembantu istana, namun digambarkan sebagai sosok yang memiliki peranan penting dalam perjuangan, pengorbanan dan sokongan moral, seperti situasi puteri menghadapi cabaran besar seperti menyelamatkan suaminya daripada bahaya. Pengarang membawa penghormatan kepada nilai-nilai kesetiaan, pengorbanan dan kasih sayang wanita, serta menolak tanggapan bahawa wanita hanyalah pelengkap. Dalam konteks ini, syair menjadi medium untuk mengangkat suara dan martabat wanita yang sering tidak terlihat, namun amat bermakna.

Citra Wanita Yang Berkasih Sayang

Dalam diri seorang wanita khususnya, Tuhan menganugerahkan sifat semula jadi yang penuh dengan kasih sayang, lemah lembut dan empati. Sifat sedemikian lahir daripada hati wanita kaya dengan naluri, malah digerakkan oleh akal dan nilai moral dalam diri seseorang wanita. Sifat wanita yang boleh digambarkan adalah seperti kasih sayang seorang isteri kepada suami, kasih sayang seorang ibu kepada anaknya dan juga kasih sayang kepada diri sendiri.

Rafidah Aziz (2006) mengatakan bahawa seorang wanita yang berjaya ialah wanita yang mampu menyumbang kepada keluarga dan masyarakat tanpa kehilangan sifat kasih sayang, bersikap tegas masih dibolehkan, tetapi sikap perikemanusiaan tidak diketepikan. Hal ini membawa maksud sikap kasih sayang bukan sahaja sekadar daripada sudut emosi, bahkan tindakan, tutur kata dan sebagainya. Sikap kasih sayang dalam kalangan wanita turut diangkat oleh pengarang *Syair Puteri Nilam Juita*. Watak yang diangkat antaranya watak permaisuri yang menunjukkan sifat kasih sayang sebagai seorang ibu dan sikap kasih sayang seorang isteri kepada suaminya atau madunya. Martabat seorang wanita yang dicitrakan mempunyai sifat berkasih sayang dapat dilihat melalui rangkapan syair seperti berikut:

Segala harta di dalam istana,
Diserahkan kepada puteri mengerna,
Segala bini anak perdana,
Kasih sayang terlalu bina. (r.368)

Kasih semuanya bukan kepalang,
Siang dan malam masuk berulang,
Mesranya sampai ke dalam tulang,
Kepada puteri muda terbilang. (r.369)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Berdasarkan rangkapan syair tersebut, pengarang memperlihatkan sikap kasih sayang dalam watak Permaisuri Rakna Baiduri. Rangkapan syair di atas menunjukkan nilai kasih sayang yang dipamerkan oleh Permaisuri terhadap menantunya Puteri Nilam yang baharu dinikahkan dengan anakandanya Putera Qamarshah. Frasa “Segala harta di dalam istana” dan “Diserahkan kepada puteri mengerna” menjelaskan bahawa permaisuri sanggup menghadiahkan segala harta isi istana untuk diberikan kepada Puteri Nilam iaitu menantu baharunya. Pengarang juga menggambarkan kasih sayang permaisuri terhadap menantunya seperti dalam frasa “Kasih semuanya bukan kepalang” dan “Mesranya sampai ke dalam tulang”. Kasih sayang yang amat tulus diberikan oleh permaisuri diibaratkan menusuk terus ke tulang rusuk. Hal ini membuktikan bahawa keikhlasan hati seorang ibu yang menyayangi menantunya tanpa berpura-pura. Tambahan pula, frasa “Kasih sayang terlalulah bina” menggambarkan ikatan atau pertalian kasih sayang antara ibu mertua dan anak yang mendalam

serta tidak mudah goyah walau diuji dengan dugaan. Pengarang mengisahkan peristiwa tersebut sebagai bukti pertalian kasih sayang yang tidak akan terputus antara seisi keluarga.

Citra wanita yang berkasih sayang yang terdapat dalam penulisan *Syair Puteri Nilam Juita* wajar diberi perhatian dalam kerana ia mengetengahkan nilai-nilai kemanusiaan seperti keikhlasan, empati dan pengorbanan yang menjadi kunci utama dalam kebahagiaan. Dalam menerapkan unsur citra wanita yang berkasih sayang dalam penulisan, pengarang bukan sahaja menggambarkan realiti, tetapi turut menyeru masyarakat untuk menghargai dan mengamati peranan wanita sebagai penyulam kasih sayang dalam sesebuah institusi.

CITRA WANITA BERDASARKAN TEORI KRITIKAN FEMINISME OLEH ELAINE SHOWALTER DALAM MSS 3492 SYAIR PUTERI NILAM JUITA

Kritikan feminisme yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter pada tahun 1979 telah memainkan peranan penting dalam menyedarkan masyarakat tentang gambaran dan status wanita. Dalam konteks penulisan manuskrip *Syair Puteri Nilam Juita*, perkara ini dapat memberikan gambaran tentang perspektif kewanitaan dan boleh dianggap sebagai garis panduan mengenai pemikiran dan pengalaman golongan wanita pada zaman dahulu seperti yang diperihalkan dalam naskhah manuskrip ini. Elaine Showalter memperkenalkan empat pendekatan dalam teori kritiknya iaitu biologi, pengalaman, linguistik dan psikologi yang mempunyai peranan dan kepentingan tersendiri, yang akan dibincangkan selanjutnya.

Biologi

Biologi sering dikaitkan dengan bidang sains, terutamanya berkaitan dengan fitrah kejadian manusia. Dalam pendekatan feminisme, faktor biologi menilai kepentingan yang berbeza khususnya dalam konteks penulisan yang menekankan peranan wanita sebagai ibu, isteri, madu, Permaisuri dan banyak lagi. Pendekatan biologi menurut Elaine Showalter lebih menekankan kepada peranan tubuh badan seorang wanita dalam membentuk pengalaman hidup di dalam penceritaan karya-karya sastera. Pendekatan biologi menilai dari segi tubuh seorang wanita sebagai asas kepada pengalaman, iaitu tubuh wanita mengalami hal-hal yang tertentu yang tidak dialami oleh golongan lelaki seperti haid, kehamilan dan lain-lain lagi. Oleh itu, Elaine Showalter (1979) berpendapat bahawa pengalaman-pengalaman yang dialami tubuh wanita akan mempengaruhi tindakan dan tingkah laku wanita.

Pendekatan biologi menurut Elaine Showalter (1979) turut menegaskan bahawa tubuh wanita bukan sekadar simbol atau lambang metafora, namun menjadi sumber pengalaman yang unik dan berbeza dengan tubuh lelaki. Selain itu, kejadian tubuh wanita yang berlainan juga membentuk cara wanita berfikir, menulis dan memahami dunia dengan lebih unik. Misalnya, seorang wanita yang berbadan besar, boleh digambarkan gaya hidupnya yang kurang sihat atau sebaliknya. Selain itu, konsep biologi juga digambarkan melalui konsep kehamilan, yang memberi pengalaman yang tidak dapat dirasai oleh kaum lelaki dan ia membentuk perspektif terhadap kehidupan, kasih sayang dan pengorbanan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pendekatan biologi dalam teori feminisme menekankan bahawa pengalaman dan identiti wanita berasal daripada tubuh para wanita dan tubuh wanita berperanan penting dalam membentuk suara dan perjuangan para wanita.

Dalam *Syair Puteri Nilam Juita*, aspek biologi yang dapat dinilai melalui naskhah tersebut adalah melalui watak-watak wanita. Pengarang mengisahkan tentang Permaisuri Anum yang memerintah negeri bersama dengan Sultan Khazim. Pengarang menggambarkan keadaan tubuh permaisuri yang sangat kurus kerana tidak menjamah sebarang makanan dan

minuman. Elaine Showalter (1979) menegaskan bahawa tubuh wanita bukan sahaja objek fizikal, bahkan menjadi simbolik dan budaya. Oleh sebab itu, kekurusian badan boleh menjadi simbol kepada pelbagai makna seperti kekangan, tekanan, penderitaan, kerisauan dan sebagainya. Hal ini memberi gambaran bahawa gambaran wanita yang berbadan kurus pada zaman dahulu mempunyai tekanan dalaman yang menyebabkan selera makan berkurangan. Hal ini dapat dilihat melalui rangkap syair yang berikut:

Adapun akan Permaisuri,
Duduk menangis sehari,
Makan dan minum tiadalah digemari,
Badannya kurus laki isteri. (r.7)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Rangkap syair di atas menunjukkan tekanan emosi seseorang wanita boleh mengganggu kesihatan tubuh badan. Dalam aspek biologi, tubuh wanita adalah cerminan kepada pengalaman dan tekanan yang dialami wanita. Gambaran wanita berbadan kurus boleh melambangkan penderitaan, tekanan sosial sama ada terhadap kecantikan, atau kehilangan kekuatan diri. Pengarang memperihalkan bagaimana tubuh seorang wanita digunakan dalam naskhah untuk mewakili suara dan pengalaman dan tekanan wanita sekali gus membuka ruang kepada kritikan terhadap aspek biologi. Melalui pendekatan feminisme dalam kerangka teori Elaine Showalter (1979), aspek biologi menjadi satu tumpuan dalam penulisan *Syair Puteri Nilam Juita* yang mempengaruhi personaliti seseorang wanita dan perwatakannya.

Pengalaman

Pengalaman berkait rapat dengan faktor biologi yang dapat dilihat melalui perubahan fizikal dan emosi yang berlaku dalam tubuh wanita sejak usia bayi hingga usia tua. Perkembangan seorang wanita banyak dipengaruhi oleh asuhan yang diberikan oleh ibu bapa dan persekitaran sekeliling serta membentuk jati diri seseorang berdasarkan pengalaman yang pernah dialami. Oleh sebab itu, pengalaman kehidupan wanita dan lelaki amat berbeza dengan pengalaman unik ketika melahirkan anak yang hanya dialami oleh kaum wanita. Selain itu, pengalaman hidup wanita juga termasuk dalam pengalaman sosial, sejarah, dan budaya yang membentuk daya pemikiran dan pemahaman akan realiti dunia yang sebenar.

Pendekatan feminisme bukan sahaja tertumpu kepada gambaran watak wanita semata, namun perlu mengambil kira pengalaman hidup yang sebenar untuk diceritakan dalam penulisan. Sebagai contoh, dalam realiti kehidupan sebenar, golongan wanita mengalami penindasan, peranan gender, cinta, pekerjaan, keibuan dan diskriminasi dengan cara tertentu. Di samping itu, pendekatan pengalaman ini membantu pembaca memahami asbab citra wanita diangkat dalam penulisan karya manuskrip, pertumbuhan kaum wanita dari realiti dan pengalaman hidup sebenar. Dari pelbagai watak wanita yang diperihalkan dalam *Syair Puteri Nilam Juita*, pendekatan pengalaman menjadi wadah utama yang digunakan oleh pengarang untuk mengangkat suara wanita yang dipinggirkan dan diterjemahkan ke dalam manuskrip Melayu.

Aspek pengalaman seseorang wanita juga boleh difahami melalui pengaruh didikan ahli keluarga dan persekitaran sekeliling. Nilai-nilai yang dipamerkan di dalam institusi kekeluargaan membentuk sebuah tindakan dan keputusan seseorang individu. Pendekatan pengalaman dapat dilihat seperti rangkapan syair yang berikut:

Sultan Anum pula berkata,
Kekang dengar sembahnya beta,
Ia bermohon pulanglah serta,
Negeri nin tinggal lama semata. (r.735)

Ia nin susah tiada terperi,
Tiada mendengarkan khabarnya negeri,
Entah pun apa khabar dan peri,
Tinggal ditunggu oleh menteri. (r.736)

Sultan rakna mendengarkan sabda,
Akan sembah keduanya adinda,
Sangatlah rindu di dalamnya dada,
Kerana hendak pulang mada yang ada. (r.737)

Bertitah sultan rakna nin tu[w]an,
Bilakah gerangan adinda berjalan,
Beritahulah anakanda sekalian,
Kakanda sudah hilang fikiran. (r.738)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Berdasarkan rangkapan syair tersebut, pengarang menggambarkan watak isteri kepada Sultan negeri. Seorang permaisuri tidak hanya menjadi simbol kuasa dan keanggunan, malah mempunyai tanggungjawab yang besar dan bersedia untuk berkorban kepentingan peribadi demi negara dan sultan. Persekitaran kehidupan seorang permaisuri membentuk pengalaman yang unik serta membentuk cara hidup seorang permaisuri. Dalam *Syair Puteri Nilam Juita*, frasa “Sultan Anum pula berkata” dan “Kekang dengar sembahnya beta” menggambarkan seorang permaisuri yang juga menjadi pemerintah yang harus mendengar keluhan dan masalah yang dialami oleh rakyat. Permaisuri yang tabah menjalankan tugasnya biarpun memberi pengalaman seorang wanita yang perlu menyesuaikan diri dengan peranan yang telah ditentukan oleh masyarakat.

Frasa “Entahpun apa khabar dan peri” dan “Tinggal ditunggu oleh menteri” mencerminkan seorang permaisuri yang berperanan untuk mendengar titah dari para menteri yang menyembahnya. Selain itu, segala musibah, bencana, atau masalah yang berlaku di dalam negeri juga perlu dipertanggungjawabkan kepada permaisuri. Sebagai permaisuri, ia berada di dalam sistem pemerintahan patriarki iaitu raja, penasihat, menteri yang diselia raja lelaki. Oleh sebab itu, pengalaman seorang wanita yang berada di dalam sistem tersebut memperlihatkan cara seorang wanita menyesuaikan diri dan melawan rasa takut. Gambaran watak permaisuri mempengaruhi pengarang untuk menggambarkan watak seorang permaisuri sama ada menjadi seorang wanita yang patuh, hormat, bertanggungjawab, tegas, bijaksana dan sebagainya.

Aspek pengalaman yang diperkenalkan Elaine Showalter (1979) bukan sahaja memperlihatkan pengalaman seorang wanita yang dalam menjalani kehidupan seperti yang diceritakan pengarang naskhah, malah memperlihatkan pengalaman sebenar wanita dalam memahami identiti seorang dalam realiti kehidupan.

Linguistik

Dalam pendekatan feminisme yang diperkenalkan Elaine Showalter (1979), aspek linguistik merujuk kepada cara bahasa yang digunakan dalam karya sastera untuk menggambarkan

wanita, sama ada melalui nada naratif, gaya bahasa dan simbolisme. Dalam pengarangannya sebuah karya sastera, Elaine Showalter (1979) menekankan tentang bahasa sebagai alat patriarki dan sering dikawal oleh suara lelaki dan wanita hanya digambarkan melalui pandangan lelaki semata-mata. Selain itu, pengarang karya memberikan penekanan kepada suara wanita untuk dijemakan dalam penceritaan dan bukan hanya suara lelaki semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang menyusun wacana yang sesuai bagi mencitrakan kepribadian seorang wanita dalam penceritaan, sama ada dalam bentuk pertuturan, dialog, dan pemikiran wanita yang disuarakan.

Dalam manuskrip *Syair Puteri Nilam Juita*, pengarang mengaplikasikan aspek linguistik tertentu bagi mengangkat citra wanita serta membentuk imej wanita secara positif, mulia dan disanjung. Penghasilan manuskrip syair tersebut ini dilihat melalui pemilihan kata, struktur ayat, gaya bahasa dan suara penceritaan yang memberi kesan terhadap watak seseorang wanita. Pendekatan linguistik dapat dilihat dengan jelas melalui rangkapan syair yang berikut:

Santaplah baginda laki isteri,
Dilayankan segala bini menteri,
Indahnya paras Manikam Puteri,
Sangat padan laki isteri. (r.1884)

Adapun akan gembira Nilam Puteri,
Pakaian sepasang Puhalam Puteri,
Seperti bulan empat belas hari,
Semayam mengadap Permaisuri. (r.1885)

Berbaju ungu berembun barah,
Ditaburkan dengan emas yang merah,
Berkain panjang awan seluruh,
Dipercikkan dengan emas bercurah. (r.1886)

Bersunting bunga melur digubah,
Dengan intan pula bertatah,
Parasnya terlalu indah,
Manis seperti madu tercurah. (r.1888)

Bercincin intan merak sekawan,
Cahayanya terang kilau-kilauan,
Cantik menjelis puteri bangsawan,
Seperti bulan diarak awan. (r.1889)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Rangkapan syair tersebut menunjukkan pengarang syair menggunakan diksi-diksi yang penuh pujian yang menggambarkan kemuliaan pada watak wanita yang diceritakan dalam naskhah. Misalnya, pengarang menggambarkan keindahan Puteri Manikam yang sangat serasi untuk disatukan dengan Putera Qamarshah dengan menggunakan frasa seperti “mengerna”, “padan”, “Manis seperti madu tercurah”, “cantik menjelis” dan “Seperti bulan diarak awan”. Selain itu, frasa “Seperti bulan empat belas hari” dan “emas yang mencurah” menggambarkan rupa paras Puteri Nilam yang sangat indah serta dikenakan perhiasan yang cantik oleh puteri. Pengarang turut menggambarkan isteri-isteri Putera Qamarshah sangat cantik dan bersinar dan diibaratkan seperti bulan di langit yang diarak awan. Penggunaan diksi yang tepat dalam

penceritaan watak wanita yang lebih mulia dengan penggunaan unsur gaya bahasa, metafora dan simile (Hamidah dan rakan-rakan, 2016).

Berhubung perkara ini, dapat dilihat pengarang memberi penekanan terhadap watak wanita dalam penceritaannya untuk menghargai dan memartabatkan wanita dalam budaya dan masyarakat serta mendidik pembaca tentang peranan dan nilai wanita melalui pendekatan linguistik dan menyampaikan nilai-nilai tradisional seperti kesetiaan, kesopanan, dan budi pekerti melalui imej wanita. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa aspek bahasa dalam penulisan *Syair Puteri Nilam Juita* amat menitikberatkan penggunaan gaya bahasa yang sesuai bagi menggambarkan watak dan perwatakan wanita seiring dengan pendekatan feminisme Elaine Showalter (1979).

Psikologi

Dalam usaha pengarang syair mengangkat martabat wanita dalam karya sastera, pendekatan psikologi turut mempengaruhi pengarang dan emosi watak seorang wanita yang ingin digambarkan. Hal ini membawa makna bahawa pendekatan ini melibatkan proses memahami jiwa, emosi dan minda wanita serta cara wanita memperlihatkan diri sendiri dalam realiti dunia yang sebenar. Pengarang *Syair Puteri Nilam Juita* menekankan pendekatan ini supaya pemerihalannya pada watak-watak wanita lebih beremosi dan mempunyai jiwa seorang wanita.

Kajian yang dijalankan oleh Ida Roziana (2018), telah mengenal pasti elemen psikologi yang terdiri daripada tiga komponen utama iaitu pemikiran, psikologi (perasaan dan emosi) dan pengetahuan. Oleh sebab itu, aspek psikologi memerlukan penelitian saintifik terhadap tingkah laku manusia. Pengarang naskhah syair memberikan penekanan kepada emosi dan perasaan pada watak yang digambarkannya supaya penceritaan karya mendapat perhatian pembaca. Tambahan pula, mesej di sebalik penerapan aspek psikologi mampu mengetuk pintu hati pembaca untuk memartabatkan darjat wanita yang tidak henti ditindas.

Dalam naskhah *Syair Puteri Nilam Juita*, pengarang menekankan penggunaan pendekatan psikologi dalam karyanya untuk memberi kesedaran terhadap kaum wanita yang ingin membentuk identiti di dalam dunia yang dikuasai oleh kaum lelaki. Selain itu, pengarang merasakan berlaku perpecahan antara identiti wanita sebagai “orang baik” yang patuh mengikut norma masyarakat atau “orang jahat” yang melanggar norma kerana keinginan untuk menjadi bebas dan berdikari. Pengarang turut memaparkan watak-watak wanita yang gelisah, risau, takut, pmarah dan sebagainya sebagai simbol penindasan emosi dan jiwa oleh masyarakat lelaki. Aspek psikologi dalam karya syair ini dapat dilihat melalui rangkapan syair yang berikut:

Telah baginda melihat puteraya,
Dipeluk dicitum dengan tangisnya,
Sepertikan pengsan rupa lakunya,
Kedua putera samalah keduanya. (r.1760)

Sangatlah menangis duli khalifah,
Tubuh anakanda habislah basah,
Dengan menangis tidak bersudah,
Suka bertempur dengannya gundah. (r.1761)

Apatah lagi Permaisuri,
Memeluk mencium putera sendiri,
Tangis dan ratap tidak terperi,

Serta dengan berbagai peri. (r.1762)

(MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*)

Berdasarkan rangkap syair tersebut, pengarang *Syair Puteri Nilam Juita* memperihalkan aspek psikologi dapat diterjemahkan melalui watak seorang permaisuri. Frasa “Dipeluk dicium dengan tangisnya” dan “Sepertikan pengsan rupa lakunya” menggambarkan emosi seorang permaisuri yang menyambut kepulangan putera-puteranya yang menjadi tawanan pihak musuh selama beberapa bulan. Hal ini menggambarkan kesedihan permaisuri ketika bertemu kembali dengan anak-anaknya yang telah lama menghilang. Selain itu, kerinduan seorang ibu terhadap anaknya juga mencerminkan konflik psikologi wanita yang terpendam di sebalik imej seorang permaisuri.

Dalam pendekatan psikologi Elaine Showalter (1979), tekanan emosi seperti sifat rindu, sayang dan kasih dianggap penting dan layak diberikan perhatian dalam karya sastera. Hal ini kerana aspek psikologi yang ditekankan adalah kesedihan seorang ibu boleh dijadikan sebagai wadah dalam menyanjung emosi wanita dalam penceritaan. Pengarang berusaha untuk mengangkat suara wanita melalui emosi dan sikap yang diperihalkan dalam karya syair, termasuk emosi seperti sedih, rindu dan sandiwara air mata yang dianggap “lemah” oleh pandangan patriarki. Walau bagaimanapun, kritikan terhadap tanggapan tersebut boleh ditepis kerana pengarang memerihalkan emosi wanita di dalam naskhah bukan sebagai kelemahan, sebaliknya memberi kekuatan terhadap identiti keibuan yang tulen dan asli.

Berdasarkan rangkap syair tersebut juga, frasa “Memeluk mencium putera sendiri” serta “Tangis dan ratap tidak terperi” menggambarkan kesedihan seorang ibu yang merindui kepulangan anak-anaknya, dengan pelukan dan ciuman diiringi ratapan tangisan seorang ibu terhadap anak-anaknya. Peristiwa permaisuri yang berasa sedih dan terharu setelah bertemu semula dengan anaknya yang telah lama menghilang membawa makna yang mendalam dari sudut psikologi wanita. Dalam pendekatan psikologi Elaine Showalter (1979) yang menekankan kepentingan emosi wanita, perasaan permaisuri itu mencerminkan konflik batin seorang ibu yang hidup dalam ruang peranan dan tanggungjawab yang terikat, namun tetap tidak mampu menghalang naluri kasih dan kerinduan terhadap anaknya. Kesedihan dan kelegaan yang diluahkan menggambarkan sisi keibuan sebagai unsur penting dalam pendekatan psikologi wanita yang sering terpendam di sebalik realiti menjadi seorang ratu.

KESIMPULAN

Syair Puteri Nilam Juita merupakan sebuah manuskrip Melayu yang berunsurkan kewanitaannya yang mengangkat martabat wanita dalam kehidupan zaman dahulu. Syair kesusasteraan Melayu yang berunsurkan feminisme membawa mesej berkaitan peranan wanita yang melangkaui jangkaan yang disampaikan oleh pengarang. Perwatakan wanita digambarkan sebagai satu usaha mengangkat martabat wanita yang selalu diremehkan. Hal ini dapat dilihat melalui citra-citra wanita yang dipamerkan oleh pengarang di dalam syair ini. Ciri-ciri kewanitaannya yang ditunjukkan oleh pengarang membolehkan khalayak menghayati dan memahami perjuangan untuk mengangkat martabat para wanita dan memberi kesedaran untuk mengubah diri ke arah yang lebih unggul.

Dalam *Syair Puteri Nilam Juita* ini terdapat banyak gambaran mengenai citra seorang wanita yang disampaikan melalui peristiwa yang menarik. Naskhah ini boleh dikatakan sebagai seruan untuk menyedarkan khalayak pembaca untuk menghargai dan memandang tinggi kedudukan seseorang wanita seperti yang diperihalkan dalam beberapa peristiwa, situasi dan

keadaan yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Martabat wanita mencerminkan simbol kehormatan, nilai diri, dan peranan yang mulia dalam sesetengah masyarakat. Oleh sebab itu, penghasilan karya *Syair Puteri Nilam Juita* membawa gagasan untuk memastikan maruah dan kedudukan wanita sentiasa dijaga, dihormati dan dilindungi.

Unsur citra wanita yang terkandung dalam setiap karya khususnya kesusasteraan Melayu yang berunsurkan feminisme akan memancarkan keistimewaan dan ketinggian sahsiah seorang wanita. Naskhah syair ini juga memperlihatkan pendekatan feminisme yang diasaskan oleh Elaine Showalter (1979) dapat diteliti melalui pelbagai aspek iaitu aspek biologi, aspek psikologi, aspek pengalaman dan aspek linguistik. Di samping itu, nilai estetika yang dipaparkan melalui penceritaan dapat memberikan keyakinan dalam diri khususnya khalayak wanita untuk memartabatkan semula golongan wanita supaya tidak disisihkan dan diketepikan. Berdasarkan teori feminisme dari perspektif citra wanita yang digunakan dalam menganalisis naskhah 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*, ia berfungsi bagi meningkatkan kesedaran tentang imej para wanita ke arah yang lebih baik dan mulia.

Secara keseluruhannya, penelitian terhadap MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita* adalah untuk memperlihatkan tentang persoalan citra wanita yang diketengahkan dalam naskhah ini. Pendekatan yang digunakan terhadap naskhah yang menunjukkan bahawa kesusasteraan Melayu menerapkan unsur feminisme bertujuan untuk wanita daripada ditindas oleh kaum lelaki. Dalam kata lain, syair ini juga dapat membentuk jati diri masyarakat Melayu yang menghormati antara satu sama lain di samping menghentikan diskriminasi terhadap jantina.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 2013. *Nilai Dan Budaya Dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azeri, Nor Aniza Mad, & Nur Saadah Hamisan. 2021. Panduan Bagi Emansipasi Wanita di Tanah Melayu Berdasarkan Kitab Jawi Abad Ke-20. *Jurnal Ulwan*, 6.2: 273-286.
- Basri, Fuziah Kartini Hassan, Faridah Ibrahim, & Mus Chairil Samani. 2010. "What's hip, what's hop? Disharmonized representations of gender in music videos. *Malaysian Journal of Communication* 26: 33-46.
- Brooks, Cleanth. 1947. *The Well Wrought Urn: Studies in the Structure of Poetry*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Fauziah Kartini & Faridah Ibrahim. 1988. Aspek bahasa dan jantina: Satu tinjauan awal. *Dewan Bahasa* 32(10): 740-747.
- Florina Setiani. 2011. *Citra Wanita Dalam Novel Garis Perempuan Karya Sainie B. Kuncoro: Tinjauan Feminisme Sastra*. UMS repository.
- Fromm, Erich. 1947. *The Art of Loving*. New York: Harper & Row.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis, & Khazriyati Salehuddin. 2016. Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak dari perspektif semantik kognitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 13-28.
- Hart, H. L. A. 1968. *Punishment and Responsibility: Essays in the Philosophy of Law*. Oxford University Press.
- Hashim Awang. 1994. *Sastera dan Budaya Melayu: Analisis dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ida Roziana Abdullah. 2018. Konsep Feminisme Talbiah Dalam Karya Aminah Mokhtar. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 7(1) 46-85.

- Jelani Harun. 2008. Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6, 29-50.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lizawati, L. 2015. Analisis Citra Wanita Dalam Novel Perempuan Jogja Karya Achmad Munif. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 4(2), 226-242.
- Maymunah & Jihan. 2021. *Representasi Perempuan Dalam Teks Hikayat Tawaddud*. Nuansa Indonesia. 23(2), 250-264.
- MSS 3492 *Syair Puteri Nilam Juita*. Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, & Muhd Norizam Jamian. 2021. Struktur naratologi dan citra ibu dalam cerita legenda *Si Tenggang*, *Si Malin Kundang*, dan *Nakhoda Manis*. *Jurnal Melayu*, SI . 433-453.
- Muhd Norizam Jamian, and Nursyaza Ilyana Shahrudin. 2020. Kepimpinan wanita dalam novel *Matriark* karya Samsiah Mohd. Nor. *Jurnal Melayu, Isu (Khas)*. pp. 530-547.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. 2007. *Islam: Prinsip dan perbandingan*. Pustaka Salam.
- Nik Mustapha Raja Abdullah. 1997. *Falsafah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Nurul Najwa Mohd Yasin, & Mas Rynna Wati Ahmad. 2024. Ginokritikan dalam novel Perempuan Tanpa Dosa karya Fatinilam Sari Ahmad. *Jurnal Melayu*, 23 (2). pp. 138-149. ISSN 1675-7513.
- Rafidah Aziz. 2006. *Wanita dan Kepimpinan: Pengalaman dan Pandangan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Resmanti, M., & Wirajaya, A. Y. 2022. Representasi Perempuan Dalam Syair Ardan: Kajian Feminisme. *Totobuang*, 10(1), 45-58.
- Shamsul A. B. 2001. *Politik Budaya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Showalter, Elaine. 1977. *A Literature of Their Own: British Women Novelists from Brontë to Lessing*. Princeton University Press.
- Showalter, Elaine. 1979. *Towards a Feminist Poetics. Dalam Women Writing and Writing About Women*. Mary Jacobus (Ed.). London: Croom Helm.
- Sidek Baba. 2001. *Pendidikan Rabbani: Membina Generasi Berakhlak dan Berilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Fathimah. 2014. "Pusat Manuskrip Melayu: Sejarah dan Peranan dalam Pengurusan Manuskrip Melayu". Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- William & Cahn. Rhoda. 1973. *The Story of Writing*. Folkestone: Bailey Brothers & Swinfen.
- Yusmilayati Yunos. 2020. Wanita dan cinta dalam kumpulan cerpen Masitah. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 306-320.
- Yusop & Noraisah. 2024. Identiti Dan Individualiti Perempuan Melayu Dalam *Hikayat Syamsul Anuar*. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 35(2), 105-117.

Biodata Penulis:

Azreen Ekhnal Bin Esahak Ayub adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (sesi 2022-2025).

Zubir Idris (PhD) adalah pensyarah kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional dengan pengkhususan kajian manuskrip Melayu dan historiografi Melayu tradisional.